

19 JAN 1998

Mahathir-Bersatu

M'SIA TIDAK AKAN MOHON BANTUAN IMF

LANGKAWI, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) selagi rakyat menyedari kepentingan untuk berjimat dan bersatu hati.

Ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Masjid Sungai Menghulu di sini malam ini, beliau berkata rakyat juga perlu berbelanja secara bijak dan meningkatkan tabungan bagi menghadapi masalah ekonomi sekarang.

"Walau apapun pendirian kita tentang politik, apa yang penting rakyat perlu mempertahankan kebebasan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat harus bersatu hati, bekerjasama dan berusaha dengan cara yang tertib untuk membolehkan Malaysia menangani masalah ini.

Katanya, pada masa ini kuasa-kuasa asing ingin secara langsung atau tidak langsung menjajah negara ini semula dan selagi rakyat menyedari keadaan ini, ia dapat diatasi.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu mempertahankan kemerdekaan dan kebebasan negara ini dan apa yang penting rakyat perlu tabah dan berdisiplin dalam menangani masalah ini.

Katanya, rakyat hendaklah jangan melakukan sebarang angkara seperti mogok atau berdemonstrasi tetapi menghadapi keadaan ekonomi yang dialami sekarang dengan tenang.

Dr Mahathir berkata rakyat perlu membantu negara dengan meningkatkan jumlah tabungan sama ada di dalam bank simpanan dan tabung amanah dengan harta yang mereka miliki.

"Harta kita dapat menolong negara mengatasi masalah kekurangan modal disebabkan kejatuhan nilai mata wang kita dan jika kita tidak berbuat demikian negara kita akan terus tersepit sehingga mungkin kita akan kehilangan kebebasan kita", katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu rakyat meneliti perkara ini kerana jika tunduk kepada institusi kewangan antarabangsa itu pelbagai tekanan akan dikenakan seperti dialami oleh sesetengah negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat menghadapi keadaan sekarang dengan sederhana.

"Kalau dah susah kita buat cara susah dan mungkin dengan cara itu kita akan mewah balik memandangkan sebelum inipun kita pernah susah sebelum sampai ke tahap ini", katanya.

Perdana Menteri juga meminta umat Islam supaya bersikap sederhana dalam apa jua perkara supaya rakyat pelbagai kaum di negara ini dapat hidup dalam suasana aman dan damai.

Ini kerana apa yang diamalkan rakyat negara ini sekarang bersesuaian dengan tuntutan Islam, katanya.

Sehubungan itu, mereka hendaklah berwaspada dengan golongan yang cuba menggunakan agama untuk kepentingan sendiri.

Masjid A'ishah Sungai Menghulu di sini merupakan masjid pertama berhawa dingin di pulau bebas cukai ini. Masjid berharga hampir RM2 juta itu dibina 100 peratus hasil sumbangan dan derma daripada ahli korporat dan penduduk tempatan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib.

-- BERNAMA

NH FAZ